



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 MAY 2016

## Waspada gerakan Dr. M

Uim-18/5/2016

**KUALA LUMPUR 17 Mei** - Pemimpin pembangkang khususnya PKR diminta berwaspada dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam gerakan bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Presiden PKR, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail menyifatkan peringatan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga suaminya melalui surat yang ditulis dari penjara mengenai perkara tersebut perlu diberikan perhatian.

"Waspada, itu sahaja, waspada," katanya ringkas ketika diminta mengulas mengenai surat tersebut di lobi Parlimen hari ini.

Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli semalam mengesahkan surat lapan halaman yang menyatakan kegusaran tentang penglibatan pembangkang khususnya PKR dalam gerakan bersama Dr. Mahathir ditulis sendiri oleh Anwar.

Anwar melalui surat itu meminta pemimpin PKR agar berwaspada dengan muslihat Dr. Mahathir yang mengetuai gerakan tersebut.

Wan Azizah bagaimanapun

enggan mengulas lanjut mengenai isi kandungan surat itu dan hanya menyuarakan itu adalah hal dalam man PKR.

Sementara itu, Ketua Whip PKR di Parlimen, Datuk Johari Abdul berkata, kegusaran Anwar itu ada kewajarannya kerana usaha Dr. Mahathir tidak boleh berkisar mengenai gerakan untuk menjatuhkan Najib semata-mata.

Sebaliknya, jelas beliau, gerakan itu perlu datang dengan pakej agenda reformasi sebagai tindakan lanjut sekiranya Najib berjaya ditumbangkan.

"Kita bersungguh-sungguh hendak jatuhkan Najib, kemudian apa agenda seterusnya? Sebab itu deklarasinya perlu datang dengan pakej agenda reformasi. Ini yang dimaksudkan Anwar dalam suratnya, bukan hanya nak tukar Perdana Menteri.

"Sehubungan itu, kita minta sekretariat deklarasikan berkenaan yang dianggotai Marina Chin dan Datuk S. Ambiga (pemimpin-pemimpin Bersih) supaya melihat agenda reformasi dipakejkan dengan gerakan ini," katanya.